

SULIT

3757/1

3757/1

Ekonomi Asas

Kertas 1

September 2013

$1\frac{1}{4}$ jam

=====

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH - SEKOLAH MENENGAH
2013**

EKONOMI ASAS

Kertas 1

1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiao-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C, dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah


SULIT

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Kekurangan pendapatan mewujudkan pilihan

Matlamat pilihan tersebut dibuat untuk

- A Memaksimumkan kepuasan
 - B Memaksimumkan kebajikan
 - C Memaksimumkan keuntungan
 - D Memaksimumkan perbelanjaan
- 2 Gambar di bawah menunjukkan sejenis barang dalam ekonomi.



Apakah ciri barang tersebut?

- A Melibatkan kos lepas
 - B Penawaran tidak terhad
 - C Semua individu boleh memiliki
 - D Tiada pengecualian penggunaan
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

* Wujud persaingan bebas antara pengeluar
* Kebajikan masyarakat diutamakan

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi

- A Islam
- B Kapitalis
- C Campuran
- D Perancangan pusat

- 4 Antara jenis pekerjaan berikut, yang manakah tergolong dalam sektor kedua?
- I Jurutera
 II Pengurus hotel
 III Pengurus ladang
 IV Operator pengeluaran
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 5 Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh individu tanpa menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran?
- A Sewa
 B Untung
 C Dividen
 D Bayaran Pindahan
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

En Azlan bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran dengan gaji RM 2 100 sebulan. Dia menyewakan keretanya kepada orang lain dengan kadar RM80 sehari. Dia juga membuat pinjaman bank bagi menampung keperluan pendidikan anaknya.

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh En Azlan?

- I Upah
 II Sewa
 III Faedah
 IV Untung
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 7 Tindakan yang manakah akan menurunkan pendapatan boleh guna individu?
- A Kadar caruman KWSP diturunkan
 B Kadar cukai pendapatan diturunkan
 C Kadar caruman PERKESO diturunkan
 D Rebat zakat telah diturunkan oleh kerajaan
- 8 Pernyataan yang manakah menunjukkan perbezaan antara keperluan dan kehendak individu.

	Keperluan	Kehendak
A	Barang yang pelbagai jenis	Barang yang sama jenis
B	Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	Dipengaruhi oleh pendapatan
C	Harga barang tidak stabil	Harga barang stabil
D	Tidak mempunyai unsur kemestian	Mempunyai unsur kemestian

9 Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?

- I Menggalakkan pembaziran
- II Mengutamakan barang kehendak
- III Merancang perbelanjaan mengikut keperluan
- IV Menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


10 Maklumat berikut berkaitan dengan En. Rosli

En Rosli mempunyai wang RM300 000 dan bercadang untuk membuat pelaburan.

Bagaimanakah cara beliau membuat pelaburan?

- I Membeli aset tetap
- II Membeli stok modal
- III Membeli barang tahan lama
- IV Menyimpan wang di unit amanah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Rajah di bawah menunjukkan peralihan keluk permintaan motosikal.



Antara berikut, faktor manakah yang mempengaruhi perubahan permintaan tersebut?

- I Cita rasa pengguna meningkat
- II Pendapatan pengguna berkurang
- III Peningkatan harga barang penggenap
- IV Jangkaan harga akan turun pada masa depan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Jadual di bawah menunjukkan kuantiti barang L diminta pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
2	30
3	25
4	15

Berapakah keanjalan harga permintaan bagi barang L jika harga naik daripada RM3 kepada RM4?

- A 1.0
- B 0.5
- C 1.2
- D 0.8

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan keanjalan harga permintaan Barang R.

Barang R	Pekali Keanjalan
	1.5

Tafsirkan pekali keanjalan tersebut.

- A Harga naik 1%, kuantiti diminta berkurang sebanyak 1.5%
- B Harga naik 1%, kuantiti diminta meningkat sebanyak 1.5%
- C Harga turun 10%, kuantiti diminta berkurang sebanyak 15%
- D Harga turun 10%, kuantiti diminta meningkat sebanyak 1.5%

- 14 Jadual di bawah menunjukkan input dan output sebuah firma.

Input Berubah	Jumlah Keluaran
1	5
3	14
7	35
10	56
14	88

Berapakah keluaran sut firma bagi input berubah ke -10?

- A 5.0
- B 7.0
- C 4.5
- D 8.5

- 15 Gambar di bawah menunjukkan sejenis input yang digunakan oleh seorang pengusaha.



Apakah ciri input tersebut?


- A Wujud walaupun output sifar
 B Tetap sama dalam jangka panjang
 C Merupakan satu contoh input berubah
 D Berubah secara langsung dengan tingkat keluaran
- 16 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara keluaran dengan kos pengeluaran.

Keluaran (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
1	100	30
2	100	50
3	100	80

Berapakah kos purata pada tingkat keluaran ke - 3?

- A RM60.00
 B RM75.00
 C RM80.00
 D RM100.00

17 Rajah di bawah menunjukkan peralihan keluk penawaran suatu barang.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan penawaran barang tersebut?

- I Cara tradisonal dikekalkan
- II Kenaikan harga barang pengganti
- III Kejatuhan harga faktor pengeluaran
- IV Pengurangan cukai jualan oleh kerajaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Antara berikut, yang manakah mengurangkan penawaran kereta nasional?

- I Iklan kurang menarik
- II penurunan harga motosikal
- III Penurunan teknologi pengeluaran
- IV Kerajaan mengurangkan duti import
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Jadual di bawah menunjukkan penawaran terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
3	15
5	25

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut jika harga turun daripada RM5 kepada RM3?


- A 1.0
- B 2.0
- C 0.5
- D 0.7

- 20 Sesuatu pasaran boleh wujud jika ada
- I penjual dan pembeli
 - II barangan yang diniagakan
 - III penjual dan pembeli mesti bertemu
 - IV tingkat harga yang dipersetujui bersama
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

21 Jadual di bawah menunjukkan permintaan dua individu terhadap Barang R di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta Barang R (unit)	
	Individu A	Individu B
3	40	60
6	20	30


Rajah yang manakah menunjukkan keluk permintaan pasaran bagi Barang R?



22 Jadual di bawah menunjukkan penawaran barang Q oleh dua buah firma di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)	
	Firma A	Firma B
3	8	12
5	10	16

Rajah manakah menunjukkan keluk penawaran pasaran bagi barang Q?



23 Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Penawaran (unit)		Permintaan Pasaran (unit)
	Firma A	Firma B	
2	8	12	70
4	12	18	60
6	24	26	50
8	25	35	40

Berapakah harga keseimbangan?

- A RM2
- B RM4
- C RM6
- D RM8

- 24 Antara berikut, yang manakah aliran fizikal dalam ekonomi dua sektor?
- I Isi rumah menawarkan tanah kepada firma
 - II Isi rumah membuat perbelanjaan penggunaan
 - III Firma menghasilkan barang dan perkhidmatan
 - IV Firma memberi ganjaran faktor kepada isi rumah
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 25 Pasangan manakah yang menunjukkan fungsi wang mengatasi masalah sistem barter?

	Fungsi Wang	Masalah Sistem Barter
A	Alat simpanan nilai	Masalah kehendak serentak
B	Alat perantaraan pertukaran	Kesukaran menilai harga barang
C	Alat bayaran tertunda	Urus niaga secara kredit sukar dijalankan
D	Alat ukuran nilai	Barang tidak tahan lama mengalami kemerosotan nilai

- 26 Apakah fungsi institusi kewangan bukan bank kepada perkembangan ekonomi negara?
- A Menerima simpanan semasa
 - B Menanggung jamin terbitan syer
 - C Menjadi jurubank kepada kerajaan
 - D Menyediakan sumber dana dalam negara

- 27 Jadual di bawah menunjukkan sebahagian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2008.

Butiran	Jumlah (RM)
Pertanian	38 595
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	26 616
Pembuatan	152 262
Perlombongan dan kuari	42 663
Pembinaan	15 279

Sumber: Ubah suai daripada Laporan
Ekonomi 2007/2008

Berapakah jumlah sumbangan sektor utama pada tahun tersebut?

- A RM38 595 juta
- B RM81 258 juta
- C RM107 874 juta
- D RM190 857 juta

- 28 Pernyataan manakah yang merujuk kepada cukai eksais?
- A Cukai ke atas keluaran utama yang dieksport
 B Cukai terhadap barangan yang diimport dari luar negara
 C Cukai kepada keluaran tempatan yang dijual dalam negara
 D Cukai bagi barangan akhir keluaran tempatan dan luar negara
- 29 Jadual di bawah menunjukkan sebahagian sumber hasil kerajaan persekutuan pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM Juta)
Cukai pendapatan individu	15 399
Cukai pendapatan petroleum	35 826
Cukai perkhidmatan	3 708
Cukai jualan	8 059
Duti import	2 211
Duti eksais	11 038

Berapakah jumlah hasil kerajaan daripada sumber hasil cukai tidak langsung?

- A RM25 016 juta
 B RM47 593 juta
 C RM51 225 juta
 D RM62 992 juta
- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan sebuah negara.

Kerajaan telah memperuntukkan RM 50 juta untuk membina sebuah sekolah baru.

Apakah jenis perbelanjaan pembangunan tersebut?

- A Keselamatan
 B Pentadbiran Am
 C Perkhidmatan Sosial
 D Perkhidmatan Ekonomi
- 31 Bagaimanakah kerajaan menggunakan belanjawan negara untuk mengatasi inflasi?

	Perbelanjaan Kerajaan	Kadar Cukai
A	Berkurang	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Bertambah	Bertambah
D	Bertambah	Berkurang

- 32 Mengapakah kerajaan mengutamakan pinjaman daripada sumber dalam negeri berbanding luar negara?
- A Syarat pinjaman dalam negeri tidak fleksibel
 B Kadar faedah pinjaman dalam negeri lebih tinggi
 C Lebih banyak pengaliran masuk mata wang asing
 D Tidak mudah terdedah kepada perubahan kadar pertukaran asing
- 33 Apakah tujuan kerajaan membuat pinjaman?
- A Menambah hasil kerajaan
 B Membiayai kelewatan kutipan hasil cukai
 C Meningkatkan jualan surat jaminan kerajaan
 D Mewujudkan hubungan ekonomi yang baik dengan rakan dagang
- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

- * Malaysia menghantar pelajar ke Jepun
 * Amerika Syarikat mengimport kelapa sawit dari Malaysia

Antara yang berikut, yang manakah urus niaga yang terlibat?

- I Eksport barang nampak
 II Eksport barang tak nampak
 III Import barang nampak
 IV Import barang tak nampak
- A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV
- 35 Maklumat berikut menunjukkan urus niaga antarabangsa Negara Y.

Eksport Nampak	RM500 juta
Import Nampak	RM350 juta

Apakah kesan daripada urus niaga tersebut?

- A Imbangan dagangan positif
 B Imbangan dagangan negatif
 C Imbangan pembayaran positif
 D Imbangan pembayaran negatif

36 Maklumat berikut menunjukkan butiran akaun semasa Negara Malaysia.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport Barang	1 000
Import Barang	900
Eksport Perkhidmatan	880
Import Perkhidmatan	1 500
Pindahan Semasa Bersih	550

Berapakah imbangan akaun semasa Negara Malaysia?

- A RM30 juta
- B RM100 juta
- C - RM560 juta
- D - RM620 juta

37 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

$S\$1.00 = RM3.50$

Berapakah nilai barang dalam Ringgit Malaysia jika harga barang ialah S\$8 750.00?

- A RM31 700
- B RM31 670
- C RM30 625
- D RM29 300

38 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing antara Amerika Syarikat dengan Malaysia.

Tahun	Kadar Pertukaran
2010	US\$D1 = RM3.40
2011	US\$D1 = RM3.20

Apakah kesan perubahan tersebut ke atas eksport dan import Malaysia pada tahun 2011?

	Eksport	Import
A	Meningkat	Meningkat
B	Menurun	Meningkat
C	Menurun	Menurun
D	Meningkat	Menurun

Pilihan jawapan bagi **Soalan 39** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39 I Harga barang X menurun, kuantiti diminta barang X meningkat.
- II Permintaan anjal merujuk kepada peratus perubahan kuantiti diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga.
- 40 I Bank pusat merupakan sumber pinjaman terakhir kepada bank perdagangan.
- II Bank pusat akan menurunkan kadar rizab berkanun untuk mengawal inflasi.

KERTAS SOALAN TAMAT

3757/2

Ekonomi Asas

Kertas 2

September 2013

2 jam

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH - SEKOLAH MENENGAH
2013**

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu **Bahagian A**, dan **Bahagian B**.*
 2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
 3. *Tulis jawapan anda dalam kertas tulis yang disediakan.*
 4. *Anda dinasihatkan supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit dalam **Bahagian B***
 5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
 6. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
 7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
-
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahagian A

[75 markah]

*Jawab **tiga** soalan sahaja.*

- 1 (a) Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara pasangan suami isteri.



- Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh suami isteri tersebut. [5 markah]
- (b) Huraikan **empat** sumber ekonomi yang diperlukan dalam pengeluaran sesuatu barang. [8 markah]
- (c) Jelaskan **tiga** ciri sistem ekonomi kapitalis. [6 markah]
- (d) Terangkan perbezaan antara barang keperluan dan barang kehendak [6 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pekerjaan mengikut sektor.

Pekerjaan	
Petani	Pegawai bank

Bezakan peluang kerjaya antara dua pekerjaan tersebut berdasarkan faktor pemilihan pekerjaan.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Safwan

Encik Safwan membuat pinjaman di Bank X untuk membeli kereta. Kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 4.3 peratus.

Mengapakah Bank X mengenakan kadar faedah kepada Encik Safwan?

[6 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Hairul pada tahun 2012.

	RM	
Gaji	45 000	
Bonus	3 500	
Pendapatan boleh cukai	32 800	
Bayaran rawatan ibu	2 000	
Bayaran zakat	400	
Insurans nyawa	1 200	
Caruman KWSP	11%	
Kadar cukai yang dibenarkan adalah seperti berikut:		
Pendapatan Boleh Cukai	Kadar Cukai (%)	Cukai (RM)
RM5 000 yang pertama	0	0
RM10 000 yang berikut	1	100
RM15 000 yang pertama	-	100
RM15 000 yang berikut	3	450
RM30 000 yang pertama	-	550
RM20 000 yang berikut	5	-

Hitung :

- (i) cukai pendapatan Encik Hairul.

[7 markah]

- (ii) pendapatan boleh guna Encik Hairul.

[3 markah]

(d) Mengapakah seseorang individu membuat tabungan? [5 markah]

3 (a) Jadual di bawah menunjukkan permintaan terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
3	60
6	30
9	10

(i) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan tersebut.
[Gunakan skala 2cm = RM2 pada paksi harga dan 2cm = 10 unit pada paksi kuantiti] [4 markah]

(ii) Berdasarkan soalan 3(a)(i), jelaskan pembentukan keluk permintaan tersebut. [4 markah]

(b) Jadual di bawah menunjukkan permintaan kereta pada bulan Februari dan Julai 2012.

Harga (RM)	Februari (unit)	Julai (unit)
54 000	5 600	4 200

Terangkan **tiga** faktor yang menyebabkan perubahan permintaan tersebut. [6 markah]

(c) Jadual di bawah menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Sut (RM)
0	100	-
1	150	50
2	U	40
3	210	V
4	240	30
5	310	70
6	420	110

(i) Berapakah nilai U dan nilai V? [2 markah]

(ii) Jelaskan hubungan antara jumlah kos dan kos purata pada tingkat output berikut:

- (a) 0-3 unit [2 markah]
 (b) 3-4 unit [2 markah]
 (c) 4-6 unit [2 markah]

(d) Jadual di bawah menunjukkan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang A.

Jenis Barang	Keanjalan Harga Penawaran
A	0.5

Tafsirkan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang tersebut. [3 markah]

4 (a) Berdasarkan situasi berikut, jelaskan kesan ke atas pasaran minyak kelapa sawit. (Setiap situasi adalah secara berasingan)

(i) Tingkat teknologi dalam industri sawit semakin meningkat. [3 markah]

(ii) Kelapa sawit telah dijangkiti oleh sejenis penyakit yang belum diketahui puncanya. [3 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.

Syarikat Inovatif Berhad mengeluarkan beg tangan berjenama Raudah. Cik Ana bekerja sebagai operator pengeluaran di syarikat tersebut dan menerima upah sebanyak RM1 500 sebulan. Beliau membeli beg tangan Raudah dengan harga RM150 sebagai hadiah hari ibu untuk ibunya.

Lakarkan rajah aliran pusingan pendapatan tersebut. [8 markah]


(c) Gambar di bawah menunjukkan alat pembayaran di negara Malaysia.



Terangkan **empat** ciri alat pembayaran tersebut. [8 markah]

(d) Terangkan sumbangan institusi kewangan bukan bank terhadap ekonomi negara Malaysia. [5 markah]

5 (a) Carta di bawah menunjukkan hasil cukai kerajaan persekutuan pada suatu tahun.



- (i) Tentukan jenis cukai tersebut. [2 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** hasil kerajaan yang diperoleh daripada sumber X. [6 markah]
- (b) Jelaskan **empat** kelebihan meminjam daripada sumber dalam negeri. [4 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat pembuatan batik di negeri Kelantan.

Syarikat Sri Harmony Sdn.Bhd. membekalkan pelbagai pakaian batik ke Jepun dan Singapura

- Terangkan **empat** kebaikan daripada urus niaga tersebut. [8 markah]
- (d) Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

USD1 = RM3.80

Jika kadar pertukaran asing berubah menjadi USD1 = RM3.50, jelaskan kesan perubahan tersebut terhadap imbalan dagangan Malaysia. [5 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

Puan Misfura bekerja di sebuah syarikat swasta sebagai akauntan. Beliau menerima gaji sebanyak RM12 000 sebulan. Beliau telah meletakkan jawatan di syarikat tersebut setelah berkhidmat selama 8 tahun untuk membuka perniagaan sendiri. Beliau telah membuka sebuah syarikat yang mengeluarkan perabot iaitu Syarikat Cahaya Jati Sdn Bhd. Beliau mengeluarkan wang simpanannya daripada Bank Islam sebanyak RM300 000 sebagai modal permulaan. Perabot keluaran Syarikat Cahaya Jati mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan kerana keunikan reka bentuknya.

Selepas tiga tahun beroperasi, Syarikat Cahaya Jati bercadang untuk membuka cawangan baru tetapi menghadapi masalah kewangan. Syarikat bercadang untuk mendapat pinjaman daripada beberapa institusi kewangan. Syarikat telah berjaya mendapatkan pinjaman daripada salah sebuah bank perdagangan melalui pinjaman bercagar. Wang pinjaman tersebut digunakan untuk membuat pelaburan termasuk mengadakan kursus dan latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja syarikat. Pelaburan tersebut telah meningkatkan produktiviti dan pengeluaran syarikat. Peningkatan dalam penawaran telah berjaya memenuhi permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat. Hal ini menyebabkan keuntungan Syarikat Cahaya Jati meningkat sebanyak 30 peratus. Kejayaan ini telah mendorong syarikat meluaskan pasaran ke luar negara.

Syarikat Cahaya Jati telah berjaya mendapat tender perabot bernilai RM500 000 daripada negara China. Urusan penghantaran perabot dibuat secara berperingkat-peringkat. Hantaran pertama syarikat telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual tetapi hantaran kedua menghadapi masalah berikutan krisis ekonomi yang melanda dunia. Impaknya turut dirasai oleh negara China yang telah meminta penangguhan ke atas bayaran untuk hantaran yang pertama. Syarikat Cahaya Jati terpaksa membatalkan hantaran yang kedua bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar. Pembatalan hantaran kedua dan kejatuhan permintaan pasaran tempatan telah menyebabkan stok syarikat bertambah. Sehubungan itu, Syarikat Cahaya Jati mengalami kerugian teruk dan seterusnya mengambil tindakan mengecilkan operasi dengan membuang sebahagian pekerjaannya. Tindakan memberhentikan pekerja telah melahirkan kebimbangan dalam kalangan pekerja dan syarikat tempatan. Justeru itu, kedua-dua pihak yang diwakili oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan Peniaga Malaysia telah menghantar satu memorandum kepada kerajaan untuk membantu mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Huraikan jenis pendapatan yang diterima oleh Puan Misfura. [6 markah]
- (b) Wajarkah Syarikat Cahaya Jati membuat pinjaman bercagar?
Berikan alasan anda. [4 markah]
- (c) Terangkan **tiga** bentuk pelaburan lain yang telah dilakukan oleh syarikat tersebut. [6 markah]
- (d) Jelaskan **tiga** faktor yang mempengaruhi perubahan penawaran perabot syarikat tersebut. [3 markah]
- (e) Bagaimanakah kerajaan melalui bank pusat mengawal keadaan ekonomi tersebut? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

3757

**3757
Ekonomi Asas
Kertas 1 & 2
September 2013**

=====

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH - SEKOLAH MENENGAH
2013**

**EKONOMI ASAS
Kertas 1 DAN KERTAS 2**

PERATURAN PEMARKAHAN

[Lihat halaman sebelah

SULIT

JAWAPAN

1	A
2	A
3	C
4	B
5	D
6	A
7	D
8	B
9	D
10	A
11	C
12	C
13	A
14	B
15	A
16	A
17	D
18	D
19	A
20	B

21	B
22	A
23	C
24	B
25	C
26	D
27	B
28	C
29	A
30	C
31	A
32	D
33	B
34	D
35	A
36	A
37	C
38	B
39	C
40	A

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)


Soalan	Jawapan		Markah	Jumlah markah
1 (a)	F1	Kekurangan	1	mak 5
	H1	Kekurangan pendapatan	1	
	F2	Pilihan	1	
	H2	Memilih untuk membeli kasut / basikal / maksimum kepuasan	1	
	F3	Kos lepas	1	
	H3	Melepaskan barang kedua terbaik / kasut sukan / basikal	1	
1 (b)	H1	Buruh	1	Mak 8
	H1a	Tenaga fizikal atau mental yang disumbangkan oleh manusia	1	
	H1b	Ganjaran dapat upah /contoh	1	
	H2	Tanah	1	
	H2a	Anugerah Tuhan / Alam semula jadi / penawaran terhad	1	
	H2b	Ganjaran dapat sewa/ccontoh	1	
	H3	Modal	1	
	H3a	Wang/mesin/alatan yang digunakan dalam proses pengeluaran	1	
	H3b	Ganjaran dapat faedah/ccontoh	1	
	H4	Usahawan	1	
	H4a	Individu yang menggabungkan faktor pengeluaran yang lain	1	
	H4b	Ganjaran dapat untung/ccontoh	1	
	<i>Mana-mana 8H</i>			
1 (c)	H1	Sumber pengeluaran dimiliki oleh swasta / individu / firma	1	6
	H2	Individu bebas membuat pilihan barangan / pekerjaan	1	
	H3	Harga ditentukan melalui mekanisme harga / kuasa pasaran / DD dan SS	1	
	H4	Wujud persaingan antara pengeluar	1	
	H5	Untuk maksimumkan keuntungan	1	
	H6	Individu /pihak swasta menentukan keputusan ekonomi	1	

SULIT

Soalan	Jawapan		Markah	Jumlah markah	
1 (d)	Barang keperluan	Barang kehendak			
	H1	Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	Dipengaruhi oleh pendapatan	1 + 1	mak 6
	H2	Harga barang stabil	Harga barang tidak stabil	1+1	
	H3	Mempunyai unsur kemestian	Tiada unsur kemestian	1+1	
	H4	Barang yang sama jenis	Barang yang pelbagai	1+1	
2 (a)	Petani	Pegawai bank			
	H1	Sektor utama	Sektor ketiga	1+1	Mak 6
	H2	Upah wang yang rendah/ pendapatan kurang stabil	Upah wang yang tinggi / pendapatan stabil	1+1	
	H3	Suasana tempat kerja yang kurang selesa	Suasana tempat kerja selesa	1+1	
	H4	Tidak memerlukan kelayakan akademik	Memerlukan kelayakan akademik	1+1	
	H5	Faedah sampingan terhad	Banyak faedah sampingan	1+1	
	<i>Mana-mana 4H</i>				
2 (b)	H1	Kesanggupan menanggungkan perbelanjaan semasa		1	4
	H2	Menggantikan susut nilai wang		1	
	H3	Risiko pinjaman tidak dibayar balik		1	
	H4	Menanggung kos lepas		1	
2 (c) (i)		Pendapatan boleh cukai	32 800	1	
		<u>Pengiraan cukai</u>			
		RM5 000 yang pertama x 0%	0	} 1	
		RM10 000 berikut x 1%	100		
		RM15 000	450	1	
		<u>atau</u>	<u>atau</u>		
		RM30 000	550	1	
		RM2 800 X 5%	140	1	7

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah																																										
	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 60%;">Jumlah cukai pendapatan</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">690</td> <td style="width: 10%; text-align: center;">1</td> <td style="width: 10%;"></td> </tr> <tr> <td>Tolak zakat</td> <td style="text-align: right;">400</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="2"> </td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jumlah cukai yang perlu dibayar</td> <td style="text-align: right;">290</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> </tr> </table>	Jumlah cukai pendapatan	690	1		Tolak zakat	400	1						Jumlah cukai yang perlu dibayar	290	1																													
Jumlah cukai pendapatan	690	1																																											
Tolak zakat	400	1																																											
Jumlah cukai yang perlu dibayar	290	1																																											
(ii)	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">Pendapatan boleh guna</td> <td style="width: 10%; text-align: center;">=</td> <td style="width: 30%;">Jumlah pendapatan</td> <td style="width: 10%; text-align: center;">-</td> <td style="width: 10%;">potongan wajib</td> <td style="width: 10%;"></td> </tr> <tr> <td>Jumlah pendapatan</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">RM48 500</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tolak KWSP</td> <td></td> <td style="text-align: right;">4 950</td> <td></td> <td></td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td>Cukai pendapatan individu</td> <td></td> <td style="text-align: right;">290</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Zakat</td> <td></td> <td style="text-align: right;">400</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jumlah potongan</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">RM5 640</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Pendapatan boleh guna</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">RM42 860</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> </table>	Pendapatan boleh guna	=	Jumlah pendapatan	-	potongan wajib		Jumlah pendapatan				RM48 500		Tolak KWSP		4 950			1	Cukai pendapatan individu		290				Zakat		400				Jumlah potongan				RM5 640		Pendapatan boleh guna				RM42 860	1		3
Pendapatan boleh guna	=	Jumlah pendapatan	-	potongan wajib																																									
Jumlah pendapatan				RM48 500																																									
Tolak KWSP		4 950			1																																								
Cukai pendapatan individu		290																																											
Zakat		400																																											
Jumlah potongan				RM5 640																																									
Pendapatan boleh guna				RM42 860	1																																								
2 (d)	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;">H1</td> <td style="width: 65%;">Untuk menampung perbelanjaan pada masa kecemasan / sakit / kematian / risiko luar jangka</td> <td style="width: 10%; text-align: center;">1</td> <td style="width: 10%;"></td> </tr> <tr> <td>H2</td> <td>Menerima faedah jika simpan di bank konvensional / menerima dividen jika simpan di unit amanah / sistem perbankan Islam</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> </tr> <tr> <td>H3</td> <td>Untuk membeli barang tahan lama tanpa berhutang</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">5</td> </tr> <tr> <td>H4</td> <td>Untuk menampung kos pendidikan anak-anak pada masa depan/melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> </tr> <tr> <td>H5</td> <td>Untuk menunaikan haji/melancong</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td></td> </tr> </table>	H1	Untuk menampung perbelanjaan pada masa kecemasan / sakit / kematian / risiko luar jangka	1		H2	Menerima faedah jika simpan di bank konvensional / menerima dividen jika simpan di unit amanah / sistem perbankan Islam	1		H3	Untuk membeli barang tahan lama tanpa berhutang	1	5	H4	Untuk menampung kos pendidikan anak-anak pada masa depan/melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi	1		H5	Untuk menunaikan haji/melancong	1																									
H1	Untuk menampung perbelanjaan pada masa kecemasan / sakit / kematian / risiko luar jangka	1																																											
H2	Menerima faedah jika simpan di bank konvensional / menerima dividen jika simpan di unit amanah / sistem perbankan Islam	1																																											
H3	Untuk membeli barang tahan lama tanpa berhutang	1	5																																										
H4	Untuk menampung kos pendidikan anak-anak pada masa depan/melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi	1																																											
H5	Untuk menunaikan haji/melancong	1																																											
3 (a) (i)																																													

SULIT

Soalan	Jawapan		Markah	Jumlah markah
		 <p data-bbox="336 495 1118 763"> Paksi harga } Mesti ada titik origin dan skala yang Paksi kuantiti } betul Label keluk DD Plot koordinat dengan betul </p>	<p>1 1 1 1</p>	<p>4</p>
(ii)	<p>H1 H2 H3 H4 H5 H6</p>	<p>Pada harga RM3, kuantiti diminta ialah 60 unit iaitu titik a Pada harga RM6, kuantiti diminta ialah 30 unit iaitu titik b Pada harga RM9, kuantiti diminta ialah 10 unit iaitu titik c Titik abc disambungkan, terbentuklah keluk permintaan Mencerun ke bawah dari kiri ke kanan Hubungan adalah negatif antara harga dan kuantiti</p>	<p>1 1 1 1 1</p>	<p>Mak 4</p>
3 (b)	<p>F1 H1 F2 H2 F3 H3 F4 H4 F5 H5 F6 H6</p>	<p>Harga barang lain Harga kereta jenama lain turun /harga barang pengganti turun Jangkaan harga pada masa depan Jangkaan harga kereta akan menurun pada masa depan Dasar kerajaan Kenaikan cukai pendapatan perseorangan Pendapatan isi rumah Pendapatan isi rumah turun Cita rasa Pengguna tidak menggemari reka bentuk kereta tersebut Musim Musim perayaan</p> <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana 3F+3H</i></p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p>	<p>Mak 6</p>
3 (c)		<p>Nilai U = RM190</p>	<p>1</p>	
		<p>Nilai V = RM20</p>	<p>1</p>	<p>2</p>

SULIT

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
(ii)	<p><u>Pada keluaran 0-3 unit</u> H1 Jumlah kos meningkat H2 Kos sut menurun <u>Pada keluaran 3-4 unit</u> H3 Jumlah kos menurun H4 Kos sut minimum pada keluaran ke-3 <u>Pada keluaran 4-6 unit</u> H5 Jumlah kos terus meningkat H6 Kos sut meningkat</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p>	<p>2 2 2 2</p>
3 (d)	<p>H1 Tidak anjal H2 Nilai keanjalan kurang daripada 1 H3 Apabila harga menurun sebanyak 10% menyebabkan kuantiti yang ditawarkan menurun sebanyak 50%.</p>	<p>1 1 1</p>	<p>3</p>
4 (a) (i)	<p>H1 Penawaran minyak sawit meningkat H2 Permintaan minyak sawit tetap H3 Lebihan penawaran H4 Harga minyak sawit jatuh</p>	<p>1 1 1 1</p>	<p>4</p>
(ii)	<p>H1 Penawaran minyak sawit jatuh H2 Permintaan minyak sawit tetap H3 Lebihan permintaan H4 Harga minyak sawit meningkat</p>	<p>1 1 1 1</p>	<p>4</p>
4 (b)		<p>1+1</p>	

SULIT

Soalan	Jawapan		Markah	Jumlah markah
		<div style="text-align: center; border: 1px solid black; width: 150px; height: 20px; margin: 0 auto 10px auto;"></div> Petunjuk: Aliran Fizikal Aliran Wang a- operator pengeluaran b- upah RM1 500 c- penawaran beg tangan d- pembelian beg tangan RM150	1 1 1 1 1 1	8
4 (c)	F1 H1 F2 H2 F3 H3 F4 H4 F5 H5 F6 H6	Diterima umum Orang ramai menerimanya sebagai alat perantaraan pertukaran Tahan lama Tidak mudah rosak Mudah dibawa Kecil/ringan Mudah dibahagi kepada unit yang lebih kecil Memudahkan urusan niaga Kestabilan nilai Nilai tidak berubah untuk jangka masa pendek atau panjang Penawaran terhad Tidak terlalu banyak dikeluarkan sehingga menjejaskan nilai/ dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana 4F+4H</i></p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	Mak 8
4 (d)	F1 H1	Dapat menggalakan pelaburan Membiayai projek pembangunan / pelaburan	1 1	

SULIT

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
	<p>F2 Menggalakkan tabungan</p> <p>H2 Membolehkan individu membuat pinjaman / membeli harta</p> <p>F3 Dapat meningkatkan guna tenaga</p> <p>H3 Mengurangkan pengangguran / meningkatkan taraf hidup</p> <p>F4 Dapat mengurangkan pinjaman dari luar negara</p> <p>H4 IKBB sumber pinjaman kerajaan / swasta</p> <p>F5 Dapat menstabilkan ekonomi</p> <p>H5 Mengawal inflasi / kemelesetan ekonomi</p> <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana 3F+3H</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	Mak 5
<p>5 (a)</p> <p>(i)</p> <p>(ii) F1</p>	<p>Cukai langsung</p> <p>Cukai tidak langsung</p> <p>H1a Dikenakan ke atas individu yang mempunyai pendapatan melebihi amaun tertentu</p> <p>H1b Bersifat progresif</p> <p>F2 Cukai pendapatan syarikat</p> <p>H2a Dikenakan ke atas keuntungan syarikat</p> <p>H2b Merupakan komponen terbesar hasil cukai langsung kerajaan</p> <p>F3 Cukai pendapatan petroleum</p> <p>H3a Dikenakan ke atas semua syarikat petroleum di Malaysia</p> <p>H3b Kadar cukai 38% daripada jumlah pendapatan</p> <p>F4 Cukai pendapatan koperasi</p> <p>H4a Dikenakan terhadap keuntungan koperasi</p> <p>H4b Merupakan komponen terendah cukai langsung</p> <p>F5 Duti stem</p> <p>H5a Dikenakan ke atas dokumen pindah milik harta</p> <p>H5b Nilainya bergantung kepada nilai harta</p>	<p>1</p>	<p>2</p> <p>Mak 6</p>

SULIT

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
	<p>F6 Cukai keuntungan hartanah</p> <p>H6a Dikenakan ke atas harta yang dijual lebih tinggi daripada harga belian</p> <p>H6b Contoh jual rumah / tanah</p> <p>F7 Cukai tanah</p> <p>H7a Dikenakan ke atas pemilik tanah</p> <p>H7b Dibayar setiap tahun</p> <p>F8 Cukai pintu</p> <p>H8a Dikenakan kepada pemilik rumah</p> <p>H8b Dikutip oleh Majlis Daerah/ Majlis Perbandaran</p> <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana 3F + 3H</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	
5 (b)	<p>H1 Tidak dipengaruhi oleh perubahan kadar pertukaran asing berbanding pinjaman luar negara</p> <p>H2 Tidak melibatkan pengaliran wang keluar negara</p> <p>H3 Syarat pinjaman lebih mudah dan fleksibel</p> <p>H4 Kadar faedah lebih rendah berbanding pinjaman luar negara</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	4
5 (c)	<p>F1 Menikmati barangan yang tidak dihasilkan dalam negeri</p> <p>H1 Perbezaan alam semula jadi / iklim</p> <p>F2 Memperoleh barangan yang lebih murah</p> <p>H2 Memenuhi cita rasa</p> <p>F3 Menggalakkan penggunaan teknologi</p> <p>H3 Meningkatkan pengeluaran</p> <p>F4 Meluaskan pasaran</p> <p>H4 Keuntungan meningkat</p> <p>F5 Mengalakkan pelaburan</p> <p>H5 Kemasukan pelaburan asing</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	Mak 8

SULIT

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
	F6 Mewujudkan hubungan baik dengan rakan dagang H6 Kerjasama dalam aspek politik / ekonomi / sosial F7 Menambahkan peluang pekerjaan H7 Mengurangkan pengangguran F8 Menawarkan pilihan yang pelbagai H8 Pilihan pengguna lebih luas <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana 4F + 4H</i></p>	1 1 1 1 1 1	
5 (d)	H1 Nilai Ringgit Malaysia meningkat H2 Harga barang eksport Malaysia mahal H3 Jumlah eksport Malaysia jatuh H4 Harga barang import Malaysia murah H5 Jumlah import Malaysia meningkat H6 Nilai import melebihi nilai eksport H7 Imbangan dagangan Malaysia kurangan <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana 5H</i></p>	1 1 1 1 1 1 1	Mak 5
6 (a)	H1 Upah H1a Bekerja sebagai akauntan H2 Untung H2a Menanggung risiko / menggabungkan input pengeluaran H3 Dividen H3a Simpanan di Bank Islam	1 1 1 1 1 1	6
6 (b)	Wajar/Tidak wajar H1a Jumlah pinjaman besar H1b Merupakan pinjaman jangka panjang H1c Untuk membeli kilang / tanah	1 1 1 1	3
6 (c)	F1 Pembelian aset tetap H1 Beli bangunan/tanah untuk dijual/disewakan	1 1	

SULIT

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
	F2 Pembelian barang modal H2 Mesin/jentera untuk meningkatkan daya pengeluaran F3 Pembelian stok/barang niaga H3 Bahan mentah/barang separuh siap/barang siap untuk Memenuhi pertambahan dalam permintaan / licinkan proses pengeluaran	1 1 1 1	6
6 (d)	H1 Harga perabot mahal H2 Harga barang pengganti turun H3 Harga faktor pengeluaran rendah H4 Harga dijangka jatuh pada masa depan H5 Kerajaan menurunkan kadar cukai jualan / memberi subsidi H6 Matlamat pengeluar untuk memaksimumkan output H7 Penggunaan teknologi moden <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana 4H</i></p>	1 1 1 1 1 1 1	4
6 (e)	H1a Beli surat jaminan kerajaan H1b Penawaran wang di pasaran bertambah H1c Permintaan naik / kuasa beli naik H2a Menurunkan kadar rizab tunai /kadar rizab berkanun H2b Kemampuan bank perdagangan memberi pinjaman bertambah H2c Jumlah pinjaman naik H2d Permintaan naik / kuasa beli naik H3a Menurunkan kadar faedah H3b Kos pinjaman turun H3c Jumlah pinjaman naik / tabungan turun H3d Permintaan naik / kuasa beli naik H4a Melonggarkan syarat sewa beli	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	6

SULIT

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
	H4b Naikkan pinjaman maksimum / panjangkan tempoh bayaran balik H4c Pinjaman sewa beli bertambah H4d Permintaan sewa beli naik / kuasa beli naik <i>Mana-mana 3H</i>	1 1 1	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT